

PM setuju syor pinda perlembagaan BN

U.M. 30 SEPT 1991

SLJBANG 29 Sept. — Perdana Menteri, (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad) menyambut baik cadangan supaya perlembagaan BN dipinda bagi menghalang anggota komponennya bertanding antara satu sama lain khususnya pada pilihanraya negeri.

“Cadangan itu memang baik, perbezaan yang ada sekarang menimbulkan keadaan serba salah pada kita,” katanya kepada para pemberita setibanya beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa gubang selepas mengadakan lawatan ke Mexico dan menghadiri perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York.

Beliau berkata, kedudukan

Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) sebagai anggota komponen Barisan Nasional (BN) di peringkat pusat tetapi pembangkang di peringkat negeri telah menimbulkan keadaan serba salah pada BN. Katanya, keadaan kompleks ini memerlukan perbincangan lanjut.

Bagaimanapun, katanya, cadangan itu perlu dikaji dengan teliti dan para pemimpin PBDS serta kerajaan BN3 Sarawak dan BN Pusat perlu membincangkannya dengan hati yang terbuka.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian sebagai mengulas cadangan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba baru-baru ini supaya parti-

LIHAT MUKA 2

SYOR PINDA PERLEMBAGAAN

Parti komponen BN menggunakan simbol yang sama dalam pilihanraya untuk mengelakkan persaingan sesama sendiri.

“Ini memerlukan perbincangan dahulu sama ada dengan Dato' Leo Mogie (Presiden PBB), Tan Sri Taib Mahmud (Ketua Menteri Sarawak) dan lam-lam parti komponen BN di Sarawak kerana kita perlu mengetahui keadaan dan pendirian sebenar kedua-dua pihak sebelum membuat sesuatu keputusan,” tegas Perdana Menteri ketika ditanya dengan lebih lanjut mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, menurut beliau, adalah tidak mustahil PBDS diterima sebagai anggota komponen BN di peringkat negeri kerana semuanya mungkin.

Menjawab satu soalan mengenai kenyataan Encik Ghafar Baba bahawa bentuk keanggotaan parti komponen BN yang berupa penyokong di peringkat kebangsaan dan pembangkang di peringkat negeri harus ditamatkan,

Perdana Menteri berkata, cadangan itu adalah baik.

Mengenai kejayaan BN Sarawak dalam pilihanraya yang berakhir semalam, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau berbangga dengan pencapaian BN3 yang telah mendapat kemenangan yang besar.

“Kejayaan, parti utama, ialah kejayaan BN mengalahkan sama sekali DAP yang tidak memperolehi satu kerusi pun,” tegas beliau.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Abdul Taib Mahmud, terima kasih kepada semua pihak terlibat khususnya anggota komponen BN yang telah bekerja keras untuk memastikan kejayaan BN.

Menurut beliau, dengan kemenangan itu, beliau berharap kerajaan Negeri Sarawak akan dapat menumpukan perhatian terhadap pembangunan di negeri itu sebagaimana yang dihasratkan oleh BN3 yang ingin menumpukan kepada soal politik pembangunan.